

**Pegangan Dan Amalan Akidah Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah:  
Benteng Jati Diri Umat Islam Di Alam Melayu**  
*(Principle and Practice of Aqidah Ahl Sunnah Wa Al-Jamaah: Bulwark of  
Self Identity among Muslims in Malay Archipelago)*

**Shukri Ahmad**

Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

**Abstrak:** Fahaman akidah ahlu Sunnah wa al-Jama'ah berdasarkan aliran Asha'irah dan Maturiyah menjadi pegangan yang kukuh di Alam Melayu. Walau bagaimanapun, menjelang abad ke-21, dengan perubahan zaman, pegangan ini semakin terancam dalam kalangan masyarakat Islam di alam Melayu khususnya di Malaysia ini. Pelbagai fahaman sesat telah mengancam kedudukan pegangan ini dan yang terkini adalah fahaman Islam Liberal dan Syiah. Pada 24 Julai 2013, Kementerian Dalam Negeri telah mengisytiharkan bahawa pertubuhan Syiah Malaysia adalah sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang berpandukan Seksyen 5, Akta Pertubuhan 1966. Fahaman Syiah semakin berkembang dalam masyarakat Islam di Malaysia. Laporan akhbar Harian Metro 26 Julai 2013, menyebutkan terdapat di antara 200,000 hingga 300,000 pengikut pertubuhan Syiah di Malaysia ketika ini dengan 65 peratus adalah beraliran Syiah Imamiyah. Justeru, usaha memperkasa pegangan ahlu Sunnah wa al-Jamaah adalah suatu kemestian bagi kelangsungan pegangan akidah ini. Kertas kerja ini akan menelusuri sejarah perkembangan akidah Ahlu Sunnah wal Jamaah di alam Melayu, khususnya Malaysia, seterusnya memperincikan ciri-ciri pegangan akidah ini dan akhirnya menjelaskan ancaman serta kesannya kepada masyarakat akibat kelemahan pegangan ini.

**Kata kunci:** Ahlu Sunnah Wal Jamaah, alam Melayu, akidah, Malaysia

**Abstract:** *The beliefs of aqidah Ahlu Sunnah wa al - Jama'ah according to Asha'irah and Maturiyah flows were very strong in practice in the Malay World. However, by the 21st century, with changing times, this attitude is increasingly threatened the Muslims community in their beliefs, particularly in Malaysia. Various heretical and deviant sects were a threat to this position and the latest is the Liberal and Shiite beliefs . On July 24, 2013 , the Interior Ministry has declared that Malaysia Shi'a organization is an illegal organization according to Section 5 of the Societies Act 1966. It shows that these organizations are growing up in Malaysia . Harian Metro reported, in July 26, 2013 , currently there are out of 200, 000 and 300 , 000 followers of Shiite organizations in Malaysia, with 65 % are Shi'a Imamiyah . Thus, efforts to strengthen the grip of Ahlu Sunnah wa al - Jamaah is a must for the survival of this aqidah. This paper will determine the history of the development of Ahlu Sunnah Wal Jamaah in the Malay archipelago , particularly Malaysia. And so , this paper will detail the characteristics of this belief and ultimately explain the threat and impacts of deviant organization of the Muslim community in the Malay Archipelago.*

**Keywords:** Ahlu Sunnah Wal Jamaah, Malay Archipelago, aqidah, Malaysia

## **PENDAHULUAN**

Akidah atau kepercayaan merupakan suatu pegangan yang memberikan pelbagai kesan kepada seseorang Muslim, masyarakat Islam dan negara. Kesan pegangan akidah kepada individu Muslim sering kali dikaitkan dengan ajaran agama seperti kesan emosi, amalan dan tingkah laku (Shukri Ahmad, 2011). Malah, paling utama akidah dikaitkan dengan kesan dari kepercayaan yang turut melibatkan aspek ganjaran dan hukuman di akhirat. Selain itu, akidah membawa sikap kesatuan dan sebaliknya juga boleh mengundang pergeseran apabila disalahgunakan. Banyak daerah yang masyarakatnya berkonflik disebabkan pegangan akidah yang berbeza. Apakah maksud akidah di sini? Kami maksudkan di sini akidah sebagai ilmu dan kepercayaan mengenai Allah dan yang bersangkutan denganNya. Dalam kata lain, akidah Islam ialah suatu kepercayaan mengenai Allah dan segala yang berbuah daripada kepercayaan ini menurut al-Quran dan Sunnah. Pegangan akidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah merupakan pegangan yang paling tepat, menyeluruh dan seimbang serta berdasarkan nas-nas wahyu yang disampaikan oleh Nabi Muhammad daripada Allah kepada manusia seluruhnya.

## **AKIDAH AHLUS SUNNAH DI ALAM MELAYU**

Fahaman akidah berdasarkan aliran ahli Sunnah wa al-Jama'ah menjadi pegangan yang sinonim dengan alam Melayu. Sejak sekian lama kitab-kitab pengajian akidah/usuluddin pada ketika itu dikarang menggunakan pendekatan Ahlus Sunnah wal Jama'ah berteraskan pengajian "sifat dua puluh" yang menggabungkan asas-asas logik dan hujah-hujah naqli menjadi pemangkin kepada keutuhan pegangan akidah ini di Tanah Melayu dan di alam Melayu (Shukri Ahmad, 2011). Ketepatan pegangan ini adalah melalui kesejajaran kefahaman ini yang dihasilkan daripada pelbagai dalil yang sah, sama ada bersumberkan naqliah atau aqliah (Abu Bakar Hanafiyah, n.d.). Berbeza dengan iktikad bukan Ahli 'l-Sunnah wal-Jama'ah, beberapa takwilan lain, seperti oleh kelompok Syiah atau neo-Muktazilah liberal, kelihatannya mengorbankan sama ada aspek naqli atau akal. Sejarah memperlihatkan bahawa ijmak ulama Muslimin hanya menerima akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah sebagai paling murni dan benar. Alam Melayu, sejak sekian lama mesra dengan aliran akidah ini, berteraskan aliran Asha'irah dan aliran Maturiyah yang turut diiktiraf sebagai sebahagian daripada golongan Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jama'ah (Abdul Rahman, 1998)

## **SEJARAH KEMASUKAN PEGANGAN AKIDAH AHLUS SUNNAH DI ALAM MELAYU**

Makkah dan Madinah yang sering juga disebut Haramayn (dua tanah Haram) merupakan kancan terpenting bagi penglibatan ulama dalam tradisi keilmuan Islam terutama sejak abad ke-15 Masihi lagi. Makkah merupakan kiblat bagi orang Islam ketika sembahyang dan tempat melakukan ibadah haji. Manakala Madinah mempunyai hubungan dan keutamaan besar dengan agama Islam sendiri. Ia merupakan tempat pengembangan Islam di peringkat awal dan tempat dimakamkan Rasulullah SAW. Banyak keutamaan Islam dikaitkan dengan dua tempat suci ini. Karya Jalal al-Din al-Sayuti, *al-Hijaj al-Mubayanah: Al-Tafdil Bayna Makkah wa al-Madinah* (1985) telah menghuraikan kelebihan dua tempat suci ini dengan panjang lebar. Memang wajar ketika itu, Haramayn menjadi pusat intelektual dunia Islam, di mana ulama, sufi, ahli falsafah, penyair, pengusaha dan sejarawan Muslim untuk bertemu dan saling menukar maklumat dan ilmu pengetahuan (Azyumardi, 1994, hlm. 59).

Oleh kerana kedudukan Makkah dan Madinah yang begitu penting kepada orang Islam maka ramai kalangan orang Islam datang ke sini khususnya untuk menunaikan haji. Situasi ini termasuk juga orang-orang Melayu dari Nusantara. Orang Melayu-Indonesia telah datang ke Makkah sejak abad ke-16 Masihi ketika hubungan politik dan perdagangan di antara Nusantara dan Timur Tengah mencapai kemuncak (Azymardi, 1994, hlm. 73). Jemaah haji Melayu mula berkunjung beramai-ramai untuk menunaikan haji ke Makkah iaitu pada abad ke-17 dan paling ketara pada suku terakhir abad ke-19 (Gullick, 1987, hlm. 299; Sharifah Zaleha, 1985, hlm. 86). Manakala aktor utama yang bertanggungjawab membawa jemaah haji Tanah Melayu ke Tanah suci Makkah pada abad ke-19 atau sekitar tahun 1860-1909 ialah British, kerajaan Inggeris di Tanah Melayu dan Empayar Othmaniyyah (McDonell, 1986, hlm. 36).

Melalui ibadat haji inilah berlaku hubungan antara orang Melayu dengan ulama di Haramayn. Mereka yang menunaikan haji ada yang menetap di Haramayn untuk menuntut ilmu. Kemudian mereka ini menjadi ulama yang sebahagian mereka menjadi pengajar di Makkah. Sebahagian dari mereka pulang ke alam Melayu termasuk di Tanah Melayu untuk menubuhkan institusi pendidikan tradisional pondok. Sejak itu, berlaku hubungan keilmuan di antara alam Melayu dengan Haramayn. Kesan perhubungan keilmuan antara alam Melayu dengan Haramayn adalah sangat kuat sehingga sebarang perubahan pemikiran Islam di Asia Tenggara termasuk di Tanah Melayu dikaitkan dengan tradisi keilmuan di Haramayn. C.S Hurgronje, yang pernah menetap di Makkah selama enam bulan menceritakan bahawa terdapat hubungan idea dan pemikiran di antara jemaah haji dari Asia Tenggara dengan penduduk Makkah. Hubungan inilah yang mencetuskan pemikiran baru Islam di Asia Tenggara (Hurgronje, 1931, hlm. 13-20). Hurgronje ketika di Makkah, menukikan kata-kata seorang ulama berasal dari Lampong, Utara Sumatera sebagai berikut, "*The Pan-Islamic movement was not without influence on our Sheikh and all Lampong in Mekka was touched by the same hope*" (Hurgronje, 1985: 70). Situasi inilah yang dinyatakan oleh McDonell dan Hasan bahawa faham politik dan intelektual dari Makkah telah mengalir ke Asia Tenggara melalui hasil tulisan, fatwa, haji, tarekat dan idea ulama yang menjadi guru di Makkah (McDonell, 1986, hlm. 4; Hasan, 1999, hlm. 40-41).

### **RIHLAH 'ILMIYYAH DARI INSTITUSI HARAMAYN (ULAMA TRADISIONAL) KE AL-AZHAR (ULAMA NON-TRADISIONAL)**

Perubahan institusi pengajian dari Haramayn ke al-Azhar telah berlaku pada abad ke-20 Masihi. Harus diingat, pada abad ke-19 Masihi, Haramayn menjadi pusat pembentukan tokoh-tokoh ulama tradisional alam Melayu dan pemikiran Haramayn ini merupakan pemangkin pola pemikiran Ahlus Sunnah wal Jama'ah berdasarkan aliran akidah Asyairah dan Maturidiyyah. Bagaimanapun, apabila berlaku peralihan kecenderungan baru dalam pengajian tradisi keilmuan Islam dari Haramayn ke al-Azhar, Mesir pada awal abad ke-20, al-Azhar mula menjadi pusat baru dalam mengeluarkan tokoh-tokoh ulama akhir abad ke-20 di Tanah Melayu termasuk di alam Melayu yang lain. Aliran akidah tidak lagi terikat dengan pegangan Asyairah dan Maturidiyyah, malah berdasarkan pandangan Ibn Taimiyyah dan aliran-aliran lain, meskipun demikian masih dalam ruang lingkup akidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah.

Sememangnya sudah berlaku hubungan keilmuan antara pelajar-pelajar alam Melayu dengan al-Azhar sejak abad ke-18 lagi. Bahkan pada abad ke-19 hingga awal abad ke-20 Masihi terdapat para ilmuwan dari alam Melayu yang berpendidikan al-Azhar ke Haramayn. Misalannya, Djanan Tayeb, berkelulusan al-Azhar pada tahun 1924 kemudian berpindah daripada al-Azhar ke Makkah di mana beliau telah dilantik sebagai guru untuk mengajar di Masjid al-Haram. Di Makkah, beliau juga mengajar di Madrasah Indonesia al-Makkiyyahyang beroperasi selama empat puluh tahun (Abaza,

1993, hlm. 5). Azyumardi menyebut bahawa pada abad sebelum berlakunya kebangkitan modenisme Islam, Haramayn dan al-Azhar mempunyai kecenderungan intelektual yang sama iaitu para ulama membawa aliran pemikiran “neo-sufisme” dengan memusatkan diri pada ilmu-ilmu agama dalam perspektif Islam tradisional (Azyumardi, 1999a, hlm. 199).

Hubungan yang paling utama di antara tradisi keilmuan alam Melayu khususnya Tanah Melayu dengan Haramayn dan al-Azhar ialah hubungan dari sudut pemikiran agama. Pengajian Haramayn menggunakan pendekatan keagamaan saling menyesuaikan. Pendekatan ini merupakan suatu pendekatan kerjasama di antara fahaman *ahl al-Syari'ah (fuqaha')* dan *ahl al-Haqiqah (sufi)*. Menerusi pendekatan ini para ulama menggabung amalan tasawuf-tarekat dengan syariat atau apa yang dinamakan sebagai “neo-sufisme”<sup>1</sup> aliran al-Ghazali. Antara tokoh “neo-sufisme” alam Melayu ialah ‘Abd al-Samad al-Palimangi, Muhammad Arsyad al-Banjari, Muhammad Nafis dan Daud Abd Allah al-Fatani sebagai pengembang “neo-sufisme” aliran al-Ghazali di Nusantara (Azyumardi, 1994, hlm. 266). Tegasnya, aliran akidah yang mendominasi Haramayn dan dikembangkan pada peringkat awal lagi ialah pegangan akidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah.

Peranan yang besar melibatkan ulama abad ke-19 dan 20 Masihi adalah melalui pemantapan pemikiran Syariat Sunni. Penekanan kepada telaah fikah, usuluddin, hadis dan tafsir menunjukkan bahawa ulama tradisional abad ini telah memberikan tumpuan kepada pemikiran Syariat Sunni ini. Misalannya pendekatan Syariat Sunni dalam kitab-kitab yang di telaah sejak peringkat awal di Kedah iaitu kitab *al-Sirat al-Mustaqim* oleh Syeikh Nur al-Din al-Raniri (selesai menulis pada 1054/1644), diikuti kitab *Sabil al-Muhtadin* karya Muhammad Arsyad b. ‘Abd Allah al-Banjari dan karya-karya karangan Daud b. ‘Abd Allah al-Fatani seperti *Hidayat al-Muta'allim* (1244H/1828). Demikian juga dengan kitab *Syarh 'Aqidat al-Iman* karya Syeikh Syihab al-Din al-Haj b. ‘Abd Allah Muhammad al-Jawi yang selesai ditulis pada 7 Jamadil Awwal 1162/24 April 1748 Masihi yang juga berorientasikan Syariat Sunni.

Karya-karya Syeikh Daud b. ‘Abd Allah al-Fatani merupakan karya jawi yang paling masyhur di kalangan ulama tradisional. Keseluruhan karya-karya syariat beliau adalah berorientasikan pemikiran Syariat Sunni. Antara karya beliau yang bernilai tinggi dalam bidang fikah adalah seperti *Furu' al-Masa'il* dan *Bughyat al-Tullab*. Bersama-sama karya fikah ini, beliau menekankan pemikiran *ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Aliran pemikiran *ahl Sunnah wa al-Jama'ah* ini dijelaskan juga dalam karya beliau iaitu *Jawahir al-Sunniyah*. Pada pendapat al-Fatani golongan yang menolak aliran *ahl Sunnah wa al-Jama'ah* boleh dianggap bidaah dan sesat (Wan Mohd. Shaghir, 1990, hlm. 106). Selain karya al-Fatani terdapat karya-karya fikah yang lain yang banyak dibaca oleh ulama tradisional. Karya tersebut ialah *Matla'ul al-Badrayn wa Majmu'ul Bahrayn*, karangan Syeikh Muhammad b. Ismail b. Muhammad Zayn al-Fatani (diselesaikan pada 1303H/1886M). Seperti juga al-Fatani, karya Syeikh Muhammad b. Ismail juga menekankan Syariat Sunni.

Pengajian akidah merupakan salah satu bentuk pengajian ulama Melayu yang kuat menekankan pemikiran Syariat Sunni di abad ini. Keseluruhan kitab-kitab dalam pengajian akidah/usuluddin pada ketika ini dikarang menggunakan pendekatan pengajian “sifat dua puluh” yang menggabungkan asas-asas logik dan hujah-hujah naqli. Hal ini dapat ditinjau kepada penulisan-penulisan karya akidah yang

---

<sup>1</sup> Menurut Fazlur Rahman, “neo-Sufisme” adalah tasawuf yang telah diperbaharui, cenderung ke arah menghidupkan semula aliran faham aktivis salaf (ortodoks) dan memupuk semula sikap positif terhadap duniawi ini (Rahman, 1979, hlm. 195). Beberapa ciri dan kandungan estetik dan metafizik dihapuskan dan digantikan dengan kandungan yang tidak lain dari dalil-dalil ortodoks Islam (Rahman, 1979, hlm. 193-196, 205-206). Meskipun, Fazlur Rahman merujuk “neo-Sufisme” kepada gerakan pembaharuan Ibn Taimiyah (611 H/1263 M-727H/1326 M) dan Ibn Qayyim al-Jawziyah (m.751 H/ 1352M), namun tidak janggal jika disebut juga bahawa al-Ghazali (m.505/1111) telah terlebih dahulu mengadakan pembaharuan tasawuf dengan cara mendekati kerjasama *ahl al-Tasawwuf* dan *ahl al-Fiqh*.

menjadi telaah teks di pusat-pusat pengajian tradisional Tanah Melayu. Usuluddin Sunni ulama tradisional ini sebenarnya merupakan suatu aliran pemikiran akidah menurut aliran mazhab al-Ash'ari (260H/873M-324H/935M) dan al-Maturidi (870H/1465M-944H/1537M). Aliran ini adalah merupakan suatu aliran yang bersifat sederhana yang berada di antara aliran *Mu'tazilah*<sup>2</sup>, *Jabariyyah*<sup>3</sup> dan *Muhaddithun*. Safie Abu Bakar ketika menjelaskan mengenai aliran sederhana ini menyebutkan bahawa aliran ini menggunakan hujah-hujah naqli di samping tidak menolak hujah-hujah mantik dalam membahaskan persoalan-persoalan seperti *dhat*, sifat, jisim, jirim, ruang, zaman, *dharrah* (atom) dan sebagainya (Safi'e, 1990, hlm. 27). Aliran al-Ash'ari dan al-Maturidi ini kemudiannya diperkukuh pula oleh Muhammad b. Yusuf b. 'Umar b. Shu'ayb al-Sanusi (m.895H/1490M) iaitu pengarang kepada kitab *Umm al-Barahin*. Kitab ini juga boleh disebutkan sebagai ibu kepada kitab-kitab Usuluddin Sunni alam Melayu kerana kitab ini menggunakan pendekatan pengajian "sifat dua puluh". *Syarah* atau huraian kepada kitab ini banyak dikarang oleh ulama alam Melayu sendiri. Misalannya, Muhammad Zayn b. al-Faqih Jalal al-Din, membuat *Syarah*nya dalam kitab *Bidayat al-Hidayat* (1329 H/1911M) 48 halaman, Zayn al-'Abidin b. Muhammad al-Fatani dalam kitab *'Aqidat al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din*, 136 halaman dan Muhammad Zin al-Din b. Muhammad Badawi al-Sumbawi dalam kitab *Siraj al-Huda* (1303H/1885M) sebanyak 50 halaman. *Syarah* kepada kitab ini bukan sahaja dikarang di dalam bahasa Melayu oleh ulama Melayu bahkan juga turut ditulis di dalam bahasa Arab seperti oleh al-Dasuqi yang menulis *Hasyiyat 'ala Syarh Umm al-Barahin*, sebanyak 208 halaman.

## PERANAN TASAWUF DALAM MEMANTAPKAN PEGANGAN AKIDAH AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH

Amalan tasawuf bagi pegangan ahlus Sunnah bukanlah asing Corak keilmuan Haramayn menyebabkan aktiviti tarekat menjadi suatu kemestian. Pada dekad awal kemasukan Islam sekurang-kurangnya terdapat sembilan tarekat yang berpengaruh di Tanah Melayu yang secara umumnya dipelopori oleh ulama tradisional sendiri. Al-attas menyenaraikan tarekat itu antaranya adalah Qadiriyyah, Naqsyabandiyyah, Rifa'iyah, Syadhiliyyah, Chistiyyah, Syattariyyah, Ahmadiyah, Tijaniyyah dan 'Alawiyyah (al-Attas, 1963, hlm. 32). Misalannya Tarekat Syattariyyah dihubungkan dengan salasilah Abdul Rauf b. Ali al-Fansuri dan salasilah Syeikh Daud al-Fatani dan Tok Pulau Manis di Terangganu. Tarekat Qadiriyyah dikaitkan melalui salasilah Abdul Rauf b. Ali al-Fansuri (Wan Mohd. Shaghir, 1996, hlm. 2-5). Sementara Tarekat Naqsabandiyyah diamalkan juga oleh Syeikh Muhammad Nafis b. Idris, penyusun kitab tasawuf *ad-Dur al-Nafis*, Syeikh Daud al-Fatani dan juga Syeikh-ul al-Islam negeri Kedah, Wan Sulaiman Wan Sidek (Wan Mohd. Shaghir, 1996, hlm. 17- 23). Namun, abad ke-20 Masihi menyaksikan amalan tarekat mendapat serangan besar daripada ulama yang mendukung pegangan Ibn Taimiyyah dan Wahhabiyyah. Kesan tentangan ini menyebabkan amalan tarekat hampir hilang, sementara amalan tasawuf lebih dikenal sebagai amalan akhlak sahaja. Para reformis ini merupakan golongan yang terpengaruh dengan aliran pemikiran pembaharuan reformis Mesir seperti Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad 'Abduh (Roff, 1985, hlm. 123; Mc Donnell, 1986, hlm. 41) juga gerakan *Islah* Arab Saudi seperti pendukung fahaman gerakan Wahhabi (Deliar Noer, 1978, hlm. 31-39; Mohammad Redzuan, 1994, hlm. 135).

<sup>2</sup> *Muktazilah* merupakan golongan yang berpegang kepada rasional akal dan melihatnya sebagai tidak bertentangan dengan wahyu. Golongan yang menentanginya mendakwa Mu'tazilah telah meletakkan martabat ketuhanan kepada taraf spekulasi akal semata-mata (Valiuddin, 1963, hlm. 199-220).

<sup>3</sup> Golongan *Jabariyyah* pula didakwa membawa doktrin manusia tidak mempunyai ikhtiar di atas perbuatannya seolah-olah perbuatan manusia itu seperti sehelai bulu yang berterbangan.

## **KARAKTERISTIK DAN PEGANGAN AKIDAH AHLUS SUNNAH DI ALAM MELAYU**

Perbincangan mengenai akidah Ahlus Sunnah tidak menjadi sempurna tanpa terlebih dahulu disentuh mengenai karakteristik pegangan akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah. Lebih jauh lagi, kewujudan pegangan dan amalan ini dipengaruhi oleh banyak metodologi keilmuan bermula dari tradisi keilmuan Timur Tengah dan Semenanjung India hingga kepada tradisi keilmuan Barat. Pengaruh keilmuan ini menyebabkan para ulama Ahlus Sunnah menyerap berbagai jalan pemikiran dan kecenderungan intelektual yang akhirnya mereka memmanifestasikan menerusi afiliasi pemikiran mereka dalam aspek agama, pendidikan, ekonomi, sosial dan politik.

Metodologi keilmuan dari pelbagai institusi Islam dalam dan luar negara kemudiannya mewujudkan kecenderungan pendekatan yang sedikit berbeza, ditokok tambah pula dengan suasana dari persekitaran institusi Islam. Perkembangan pada sistem maklumat, prasarana, infrastruktur dan lain-lain kemudahan awam di alam Melayu membantu memperluaskan lagi fahaman mengenai Ahlus Sunnah wal Jamaah. Kerana itulah, sejumlah tokoh-tokoh ulama memahami akidah Ahlus Sunnah dari sudut yang berbeza dengan tokoh-tokoh ulama abad ke-19 dan 20 Masihi. Karakteristik pegangan akidah Ahlus Sunnah pada ketika itu ialah aliran Asyairah dan Maturidiyyah dan menerima corak aliran Ibn Taimiyyah. Amalan tasawuf diterima secara berpilih-pilih dengan sikap curiga terhadap aliran kebatinan dan kelompok Syiah.

Menjelang abad ke-21, dengan perubahan zaman, pegangan ahli Sunnah wa al-Jama'ah dalam kalangan masyarakat Islam di alam Melayu mula terdedah kepada pelbagai ancaman dan fahaman. Aliran-aliran fahaman salah ditonjolkan sebagai suatu aliran yang dapat diterima dalam kalangan masyarakat Melayu Islam. Antaranya, ialah fahaman Syiah dan Islam Liberal.

Malaysia yang sejak sekian lama mengamalkan akidah Ahlus Sunnah kini turut menerima ancaman penyelewengan akidah ini. Laporan akhbar Harian Metro 26 Julai 2013, menyebutkan dianggarkan terdapat 200,000 hingga 300,000 pengikut pertubuhan Syi'ah di Malaysia sekarang dengan 65 peratus adalah beraliran Syi'ah Imamiyah. Menurut Penolong Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, daripada pemerhatian pihaknya, mendapati ada 250 akaun Facebook yang menyebarkan fahaman Syiah ini dalam kalangan anak muda Melayu. Laporan Berita Harian 28 Julai 2013 pula melaporkan empat buah universiti terkemuka di Lembah Kelang dikenal pasti sebagai pusat penyebaran fahaman Syiah di negara ini sejak beberapa tahun yang lalu. Fahaman ini dilakukan oleh sebilangan penuntut antarabangsa yang menganut fahaman tersebut dan cuba mempengaruhi pelajar tempatan. Keadaan ini membuktikan pegangan akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah dalam kalangan masyarakat di Malaysia terdedah kepada pelbagai ancaman luar.

Di Malaysia pegangan Syiah mula diisytiharkan sesat. Misalnya, pada 24 Julai 2013, Kementerian Dalam Negeri telah mengisytiharkan bahawa pertubuhan Syiah Malaysia adalah sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang berpandukan Seksyen 5, Akta Pertubuhan 1966. Menteriinya, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid berkata Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensi di bawahnya seperti Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan Jabatan Imigresen dikatakan akan meningkatkan pemantauan terhadap kegiatan itu. Namun, usaha dalam menangani ancaman tersebut pada masa kini didapati masih kurang berkesan. Pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Agama Negeri dan pihak Jabatan Mufti mengambil inisiatif bersendirian dalam membendung pegangan/ancaman (Syiah) tersebut secara persendirian melalui ceramah dan forum. Keadaan ini tidak banyak membantu mengekang perkembangan ajaran tersebut di Malaysia.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah membincangkan isu Syiah Di Malaysia. Muzakarah tersebut telah memutuskan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak. Muzakarah juga memutuskan hanya memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Islam dan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang. Keputusan ini bermakna, usaha memperkasa pegangan ahli Sunnah wa al-jama'ah adalah suatu kemestian bagi kelangsungan pegangan akidah ahli Sunnah wa al-Jama'ah di Malaysia. Keadaan ini wajar wujud dalam sebuah wilayah yang bergelar alam Melayu sekarang.

### **AKIDAH AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH DAN BENTENG JATI DIRI UMAT ISLAM DI ALAM MELAYU**

Nusantara sememangnya wilayah yang masih tenang dan tidak mengalami konflik ideologi. Keadaan yang kucar kacir dan berkonflik di Rantau Timur Tengah sedikit sebanyak disumbangkan oleh perpecahan aliran akidah khususnya di antara Sunni dan Syiah. Konflik yang berlaku di Syria adalah disebabkan konflik ideologi di antara Sunni dan Syiah. Meskipun, faktor-faktor lain adalah punca besarnya seperti penguasaan rejim Bashar al-Asad dan penguasaan dan penglibatan tentera di Syria, namun faktor ideologi memburukkan keadaan. Gerakan Hizbullah Labenon dan kerajaan Iran memberikan sokongan ketenteraan dan senjata kepada Basyar. Kedua-dua negara ini adalah berfahaman Syiah. Hal ini mengundang tidak balas daripada pengikut Sunni dan kemudiannya mewujudkan pertembungan yang berkait dengan unsur akidah dan ideologi politik berdasarkan pegangan akidah. Demikian juga keadaan yang berlaku di Iraq yang sehingga kini masih tiada penghujungnya. Alam Melayu harus berusaha mengelak keadaan serupa terjadi dengan memastikan pertembungan ideologi tidak berlaku di rantau ini. Pegangan akidah Ahlus Sunnah yang kukuh dapat menjadi benteng terhadap kemungkinan berlakunya konflik berunsur keagamaan ini.

Sebanyak 75 peratus umat Islam di dunia berpegang dengan fahaman Akidah Ahlus Sunnah. Ini bermakna fahaman ini menguasai sebahagian besar pegangan akidah umat Islam di seluruh dunia. Ke mana sahaja umat Islam berada, pegangan yang dibawa ialah pegangan sunni melainkan beberapa kawasan tertentu sahaja seperti di wilayah Iran, Iraq dan sebahagian kecil India dan Semenanjung Arab. Kebersamaan ini menjadi bukti bahawa pegangan ini lebih sesuai dianuti dan diamalkan di dunia termasuk di alam Melayu. Aliran-aliran kebatinan yang sesat, fahaman liberal Islam yang songsang bukan ancaman besar dalam alam Melayu disebabkan pegangan akidah Sunni dapat menghadapinya. Sistem pendidikan yang berorientasikan Islam di alam Melayu menggunakan pendekatan Sunni. Ini adalah benteng penting keharmonian ideologi khususnya pegangan Islam di alam Melayu. Namun, aliran Syiah dan pemikiran Liberal adalah cabaran hebat Sunni kerana wujud sokongan dari beberapa daerah lain dunia Islam.

Aliran Sunni menggariskan pendekatan yang bersifat wasatiyyah iaitu suatu fahaman seimbang dan berfikiran sederhana. Rupa bentuk masyarakat Islam di alam Melayu yang bercampur dengan pelbagai bangsa bukan Islam memerlukan suatu kefahaman jelas mengenai Islam yang bercorak wasatiyyah. Aliran Sunni di Alam Melayu telah pun mengamalkan sikap keterbukaan dan toleransi yang tinggi. Amalan demokrasi yang berlandaskan tindakan secara berhemah, mementingkan hikmah dan mengutamakan kebaikan adalah pegangan Ahlus Sunnah wal Jamaah yang telah pun diamalkan di Alam Melayu. Sikap kesederhanaan ini adalah petanda bahawa benteng dan jati diri Muslim tetap akan selamat dengan pegangan akidah ahlus Sunnah wal Jamaah.

Alam Melayu menyaksikan Aliran Sunni telah melakukan pendekatan “saling kerjasama” di antara syariah dan tasawuf dan di antara amalan tradisi dan pemodenan. Pendekatan ini telah berjaya membawa masyarakat Islam ke arah pemodenan tanpa melupai akar umbi ajaran agama berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Pendekatan “*Continuity and Change*” iaitu pendekatan kesinambungan dan perubahan akan dapat membawa banyak kebaikan kepada umat Islam di alam Melayu. Justeru, alam Melayu akan dapat meneruskan agenda perubahan kepada masyarakat dan memberi sumbangan besar kepada Islam. Keutuhan benteng akidah ahlu Sunnah akan dapat membawa banyak kebaikan kepada umat Melayu.

## KESIMPULAN

Akidah Ahlu Sunnah wal Jama'ah adalah pegangan utama masyarakat Melayu-Islam di alam Melayu. Pegangan ini harus dipertahankan dan menjadi benteng yang kukuh bagi memastikan kesinambungan Islam di alam Melayu ini tidak tercemar dengan pergaduhan dan konflik ideologi berbeza. Ideologi berbeza di antara Sunni dan Syiah terutama membabitkan isu-isu pokok akidah akan membawa sikap saling tuduh menuduh, benci membenci yang akhirnya boleh membawa kepada saling berbunuh-bunuhan. Walau bagaimanapun benteng akidah berteraskan Ahlu Sunnah wal Jamaah masih utuh di alam Melayu. Pelbagai institusi pendidikan tradisional dan moden yang berorientasikan ajaran Sunni tetap diajar dan disebarkan di alam Melayu. Namun, harus diingat, keadaan ini mula terancam apabila beberapa aliran pemikiran salah menyelinap masuk ke dalam sistem pengajian dan pemikiran masyarakat Melayu. Pemikiran-pemikiran yang salah ini menggunakan corak kecaman terhadap pegangan pokok akidah Sunni akhirnya akan mengundang respons balas terhadap komuniti itu dan boleh membawa kemusnahan dan pergaduhan besar. Usaha secara berhemah diperlukan bagi memastikan alam Melayu tetap dengan pegangan akidah Ahlu Sunnah wal Jamaah.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Abu Bakar Haji Hanafiyah. (n.d.). *Taudih Al-Afhambi Syarh Aqidahal-Awam*. Pulau Pinang: The United Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1963). *Some aspect of sufism as understood and practiced among the Malays*. Singapore: Malaysian Sociologica; Research Institute.
- Al-Sayuti, Jalaluddin Abd al-Rahman. (1985). *Al-Hijaj al-Mubayanah: al-Tafdil Bayna Makkah wa al-Madinah*. Abdullah Muhammad Darwish (Peny.). Beirut: al-Yamamah.
- Azyumardi Azra. (1994). *Jaringan ulama, Timur Tengah dan kepulauan Nusantara abad ke XVIII*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Azyumardi Azra. (1999). *Renaissance Islam Asia Tenggara*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Gullick, J.M. (1987). *Malay society in the late nineteenth century*. Singapore: Oxford university Press.
- Deliar Noer. (1978). *The modernist Muslim movement in Indonesia 1900-1942*. Oxford: Oxford Universtiy Press.



- Hasan, Madmarn. (1999). *The Pondok and Madrasah in Pattani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hurgronje, C.S. (1931). *Mekka in the late part of 19<sup>th</sup> century*. Leyden: Brill.
- McDonell, Marry Byrne. (1986). *The conduct of Hajj from Malaysia and its socio-economic impact on Malay society: a descriptive and analytical study, 1968-1981* (unpublished doctoral dissertation). Universiti of Stirling.
- Mohammad Redzuan Othman. (1994). *The Middle Eastern influence on the development of religious and political thought in Malay society 1880-1940* (Unpublished doctoral dissertation). University of Edinburgh.
- Roff, W.R. (1985). Pilgrimage and the history of religiuos: theoretical approach ti Hajj. Dalam *Approaches to religious Studies*. Tuscon: The University of Arizona State Press.
- Shafie Abu Bakar. (1990). *Hikam Melayu: kajian falsafah dan etika* (unpublished doctoral dissertation). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan. (1985). *From saints to bureucrats: a study of the development of Islam in the state of Kedah, Malaysia* (Unpublished doctoral dissertation). Conell University.
- Shukri Ahmad. (2011). *Pengaruh pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia abad 21*. Sintok: Press UUM.
- Wan Mohd Shagir Abdullah. (1990). *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: ulama dan pengarang terulung Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Hizbi.
- Wan Mohd Shagir Abdullah. (1996). Pengenalan ulama Asia Tenggara: suatu pengenalan ringkas. Dalam *Koleksi Kertas Kerja Ilmiah Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.